



Rujukan : UKM.RKK.100-1/3/1

Tarikh : 4 Oktober 2021

**PEKELILING PUSAT PENGURUSAN RISIKO,
KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (ROSH-UKM) BIL.13/2021**

**SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**COVID-19: PELAKSANAAN PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 3 DI UNIVERSITI
KEBANGSAAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Seiring dengan perubahan Kenyataan Media YAB Perdana Menteri berkaitan Peralihan Fasa dan Kelonggaran Baharu bertarikh 29 September 2021 dan pindaan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 3 bertarikh 4 Oktober 2021, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) akan melaksanakan beberapa perubahan pada aktiviti pengoperasian seperti perkara berikut:

i. PERATURAN KEHADIRAN STAF

- a. Bagi menyekat penyebaran virus COVID-19 di IPT, KPT telah menetapkan hanya staf, pelajar dan tetamu yang **LENGKAP VAKSINASI sahaja dibenarkan masuk ke dalam kampus**; dan
- b. Garis Panduan berkaitan kehadiran staf ini akan dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftar dari semasa ke semasa.

ii. PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN

- a. Operasi perkhidmatan Pusat Tanggungjawab (PTj) di UKM yang menawarkan perkhidmatan perlu (*essential services*), adalah dibenarkan beroperasi mengikut keperluan perkhidmatan. Perkhidmatan "*essential services*" yang dimaksudkan adalah seperti berikut:
 - Bahagian Keselamatan UKM;
 - Perkhidmatan Perubatan, Pergigian, dan Kesihatan termasuk yang ditawarkan oleh Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Hospital Pakar Kanak-kanak (HPKK), Pusat Kesihatan Universiti (PKU), Fakulti Pergigian



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerja,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/ 3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

- (FGG), Fakulti Sains Kesihatan (FSK) dan Institut Biologi Molekul Perubatan (UMBI);
- Pengoperasian kemudahan penginapan, Pusat Perumahan Pelajar dan Kolej Kediaman bagi pelajar dalam kampus termasuk Pusat Isolasi Pelajar;
 - Pusat Hal Ehwal Pelajar UKM termasuk Unit Kebajikan dan Unit Kaunseling Pelajar;
 - Perkhidmatan Teknologi Maklumat termasuk pusat data, penyelenggaraan, perkhidmatan telekomunikasi dan internet;
 - Perkhidmatan Pembangunan dan Prasarana termasuk penyelenggaraan fizikal, perkhidmatan elektrik dan tenaga, air, pembentungan dan pengurusan sisa pepejal;
 - Perkhidmatan Kewangan seperti urusan perolehan, bayaran kepada pelanggan dan pengurusan gaji; dan
 - Talian khidmat pelanggan utama dan Pengurusan Unit Mel Universiti.
- b. Operasi perkhidmatan PTj yang bersifat bukan perkhidmatan perlu (*non-essential services*) adalah **pada tahap MAKSIMUM 80% bekerja di pejabat dan 20% staf Bekerja Dari Rumah (BDR)** sepanjang tempoh PPN Fasa 3. Ketua Jabatan diberi kuasa untuk menentukan keperluan staf yang hadir di pejabat tidak melebihi peraturan yang ditetapkan berdasarkan keperluan kerja, kapasiti ruang kerja dan SOP ketat di pejabat termasuk ruang makan semasa waktu rehat.
- c. Ketua Jabatan dibenarkan untuk menentukan tempoh keberadaan staf di pejabat termasuk **bertugas separuh hari** di pejabat dan baki separuh hari secara BDR;
- d. **Pejabat Am PTj WAJIB DIBUKA** sepanjang waktu bekerja;
- e. Kehadiran ke pejabat hendaklah disertai dengan dokumen arahan rasmi Ketua Jabatan dan pas pekerja;
- f. **Perkhidmatan kaunter** hendaklah beroperasi pada **kadar 80%** dan kehadiran **tanpa temujanji juga dibenarkan**. Kadar ini tertakluk kepada arahan dari semasa ke semasa;
- g. Ketua PTj hendaklah memastikan staf mematuhi Garis Panduan BDR UKM selaras dengan Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil. 4 Tahun 2021;
- h. Staf yang didapati sengaja melanggar SOP yang ditetapkan dan gagal mematuhi Garis Panduan BDR akan dikenakan tindakan tatatertib yang tegas. Ketua PTJ diminta melaporkan sebarang ketidakpatuhan serta kesalahan berkaitan kepada Unit Integriti dan Ombudsman, UKM. Di antara aktiviti yang **TIDAK DIBENARKAN** dilakukan semasa **waktu pejabat** adalah:
- Urusan peribadi tanpa kebenaran Ketua Jabatan; dan
 - Menyediakan kemudahan e-hailing atau menjalankan perniagaan secara fizikal atau dalam talian.



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

- i. Pekerja syarikat atau kontraktor luar dibenarkan memasuki kawasan kampus dengan mematuhi SOP yang ditetapkan;
- j. Staf dibenarkan membawa pulang dokumen penting bagi melaksanakan tugas penting dari rumah sepanjang tempoh tersebut berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO);
- k. Mesyuarat secara bersemuka dibenarkan hanya kepada staf **yang telah lengkap vaksin dengan 50% kapasiti ruang bilik mesyuarat**. Namun, mesyuarat digalakkan untuk dilaksanakan secara sidang video sepenuhnya atau hibrid;
- l. Majlis rasmi, seminar, bengkel, kursus, latihan dan ceramah dibenarkan dengan syarat berikut:
 - Pihak penganjur dan peserta mestilah mempunyai vaksin lengkap sahaja dibenarkan dan bukan kes positif COVID-19, bukan kontak rapat kepada kes positif dan tidak bergejala;
 - Hanya melibatkan 50% kapasiti ruang premis/ dewan/ tempat; dan
 - Penyediaan makanan adalah secara bungkus (*packed food*).
- m. Temuduga hendaklah dijalankan secara dalam talian **kecuali** temuduga kritikal yang perlu dilaksanakan adalah dibenarkan secara bersemuka dan dalam talian;
- n. Operasi perkhidmatan di Tadika Tunas UKM serta Makmal Pembelajaran Autisme, Fakulti Pendidikan adalah **dibenarkan beroperasi**;
- o. Premis perniagaan yang dibenarkan dibuka di dalam kampus adalah berdasarkan kepada SOP dan tempoh masa yang ditetapkan oleh MKN yang berkuat kuasa seperti bagi kafeteria, kedai runcit, dobi (termasuk layan diri), kedai buku dan kedai komputer. Perkhidmatan "*dine-in*" bagi pelanggan yang telah **menerima vaksinasi lengkap sahaja**;
- p. Perkhidmatan Ujian Saringan COVID-19 di UMBI dan Pusat Pemberian Vaksin Institut Pengajian Tinggi (PPV-IPT) di HCTM adalah diteruskan sebagai membantu pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- q. Perkhidmatan dan pengoperasian **Perpustakaan UKM** adalah dibenarkan berdasarkan **had kapasiti 50%** dalam satu-satu masa dengan pematuhan SOP yang ketat.
- r. Penggunaan **Borang Kebenaran Bertugas Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)** diperlukan bagi staf yang tinggal di luar Lembah Klang dan melalui Sekatan Jalan Raya (SJR); dan
- s. Staf hendaklah mengemaskini status kesihatan melalui Sistem MySejahtera dan wajib mengimbas kod QR MySejahtera jika memasuki pejabat atau premis; dan



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

- t. Setiap PTj hendaklah menyediakan kemudahan kod QR MySejahtera dan cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) di pintu masuk PTj. Penggunaan buku pendaftaran secara manual adalah tidak dibenarkan.

iii. AKTIVITI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

- a. Semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) boleh dijalankan **secara hibrid atau secara dalam talian sepenuhnya** berdasarkan kepada keperluan yang dikenal pasti oleh Dekan/Pengarah dan keberadaan pelajar di kampus;
- b. Keperluan pelajar yang berada di kampus adalah tertakluk kepada SOP MKN yang berkuat kuasa;
- c. Peperiksaan secara bersemuka sepanjang tempoh ini tidak dibenarkan kecuali peperiksaan antarabangsa dan peperiksaan yang melibatkan pengiktirafan badan profesional. Peperiksaan klinikal bagi program pengajian klinikal dibenarkan dengan permohonan berserta SOP lengkap oleh pihak fakulti kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa);
- d. Pelajar-pelajar tidak dibenarkan masuk/ berada di dalam bangunan Fakulti/ Institut tanpa kebenaran Universiti; dan
- e. Tindakan tatatertib serta denda boleh dikenakan kepada pihak Fakulti/ Institut/ Pusat Pengurusan Akademik sekiranya gagal memastikan kepatuhan kepada SOP seperti yang telah digariskan. Individu yang didapati melanggar SOP yang ditetapkan juga akan dikenakan tindakan tatatertib yang tegas.

iv. HAL EHWAL PELAJAR (WARGANEGARA & BUKAN WARGANEGARA)

- a. Hebahan berkaitan Hal-ehwal pelajar akan dikeluarkan oleh Pusat Hal-ehwal Pelajar (HEP-UKM) dari semasa ke semasa;
- b. Pelajar hendaklah mengemaskini status kesihatan melalui Sistem MySejahtera dan wajib mengimbas kod QR MySejahtera jika memasuki pejabat atau premis; dan
- c. Pihak Universiti melalui Pusat Hal-Ehwal Pelajar (HEP-UKM) akan sentiasa bersedia membantu dan memastikan keperluan serta kebajikan para pelajar termasuk pelajar yang tinggal di luar kampus terjamin. Sekiranya pelajar memerlukan bantuan kebajikan dan informasi semasa berkaitan pelajar, pegawai berikut boleh dihubungi:

Nama : Encik Asyraf Radzwan
Jawatan : Penolong Pendaftar Kanan,
Pusat Hal-ehwal Pelajar
E-mel : asyraf@ukm.edu.my
No. Telefon : 019-313 0151/ 012-951 0714 / 03-8921 3147



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

v. AKTIVITI PENYELIDIKAN

- a. Semua aktiviti penyelidikan dalam kampus **dibenarkan** dan perlu mendapatkan Surat Kebenaran Ketua PTJ dengan mengikut SOP yang ketat. Ketua PTJ hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan keselamatan staf dan pelajar serta pematuhan SOP;
- b. Semua aktiviti penyelidikan luar kampus seperti kerja lapangan dan lawatan tapak **dibenarkan** tertakluk mendapat kelulusan Ketua PTJ dan pihak berkuasa yang berkaitan;
- c. Pelajar luar kampus yang menjalankan aktiviti penyelidikan yang diluluskan hendaklah mendapatkan surat kebenaran keluar/masuk kampus daripada Ketua PTJ masing-masing; dan
- d. Sila rujuk Garis Panduan Aktiviti Penyelidikan Sebagai Langkah Pencegahan Penularan Wabak COVID-19 (versi 2.0) yang dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan & Instrumentasi (CRIM) melalui pautan: <https://research.ukm.my/pekeliling-2/>.

vi. KESELAMATAN KAMPUS

- a. Warga kampus adalah dinasihatkan untuk menjaga keselamatan barangan peribadi dan alatan pejabat pada setiap masa dan memastikan semua premis berada di tahap keselamatan yang tinggi sepanjang tempoh ini;
- b. Rondaan keselamatan akan dipertingkatkan dalam tempoh ini; dan
- c. Setiap individu yang masuk ke kampus adalah **WAJIB mengemukakan Sijil Digital Vaksinasi**, sekiranya diminta oleh mana-mana anggota keselamatan UKM.

vii. AKTIVITI RIADAH, REKREASI DAN BUDAYA

- a. Semua aktiviti sukan dan rekreasi bersentuhan atau tidak bersentuhan fizikal yang dilakukan secara individu atau berkumpulan di **kawasan tertutup (indoor) dan kawasan terbuka (outdoor)** bagi individu yang telah **melengkapkan vaksinasi** bermula jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam, tertakluk kepada arahan yang sedang berkuat kuasa;
- b. Kapasiti pengguna bagi fasiliti sukan dan rekreasi di **kawasan tertutup (indoor) terhad kepada 50% kapasiti penggunaan/ kawasan dengan kawalan penyeliaan atau maksimum 250 orang** dalam satu masa;
- c. Individu yang telah menerima vaksinasi lengkap dibenarkan membawa anak berusia 18 tahun dan ke bawah bagi aktiviti tersebut dengan pematuhan SOP yang ketat;



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

- d. Penganjuran kejohanan atau pertandingan bersentuhan atau tidak bersentuhan fizikal peringkat komuniti/ daerah/ negeri/ kebangsaan **dengan kebenaran** Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan tertakluk kepada SOP semasa;
- e. Pihak Kolej dan Fakulti/ Institut/ Pusat diminta untuk memastikan perkara ini dipatuhi oleh semua pelajar; dan
- f. Warga UKM yang didapati ingkar dalam mematuhi arahan ini akan dikenakan tindakan yang tegas termasuk pelaporan kepada pihak berkuasa atas kegagalan mematuhi perintah dan dikenakan tindakan tatatertib.

viii. PELAKSANAAN SOLAT DI MASJID UKM

- a. Aktiviti yang dibenarkan adalah Solat Fardu yang dihadkan kepada **300 orang jemaah yang telah melengkapkan vaksinasi** dan Solat Jumaat yang dihadkan kepada **500 orang jemaah yang telah melengkapkan vaksinasi** termasuk ahli Pengurusan Masjid. Sebarang perubahan kuota Jemaah dan kebenaran aktiviti-aktiviti lain adalah tertakluk kepada arahan yang sedang berkuat kuasa;
- b. Jemaah hendaklah mematuhi SOP yang ditetapkan oleh JAIS;
- c. Individu yang tidak sihat atau mempunyai sebarang faktor risiko jangkitan COVID-19 adalah dilarang sama sekali melaksanakan solat di Masjid; dan
- d. Pihak pengurusan Pusat Islam Universiti perlu memastikan jemaah mematuhi garis panduan lain yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan KKM.

3. Untuk makluman, Bilik Gerakan COVID-19 UKM di Pusat Kesihatan Universiti (PKU) akan beroperasi 24 jam. Sebarang pertanyaan dan bantuan, warga UKM boleh menghubungi:

- a. **Dr. Mohd Azman Abas**
Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti di talian: 016-6654442; dan
- b. **Dr. Masdalina Azhari**
Pegawai Perubatan, Pusat Kesihatan Universiti di talian: 019-2645072.

4. Pekeliling ini **berkuat kuasa serta merta** dan akan kekal berkuat kuasa jika PPN Fasa 3 disambung atau tiada sebarang perubahan SOP. Pihak pengurusan Universiti berdoa agar semua pihak terus komited dan bertenang dalam menjalankan tugas untuk negara demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan warga UKM dan rakyat negara ini terpelihara. Setiap warga dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi disiplin sosial yang tinggi bagi mengawal penularan wabak COVID-19.



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

Sekian, terima kasih.

“Pembudayaan Pengurusan Risiko dan Kesihatan Pekerjaan Dalam Era Norma Baharu”

Yang benar,



PROF. Ts. DR. KADIR ARIFIN

Pengarah

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM)

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Penyakit Berjangkit

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
 - Pendaftar
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh